

28 JUN 2003

Mahathir-Barangan

BARANGAN TEMPATAN BOLEH LAKU JIKA DIPASARKAN DENGAN BAIK - PM

CYBERJAYA, 28 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin barangan hasil inovasi, idea dan ciptaan rakyat Malaysia berpotensi besar untuk dipasarkan di mana sahaja jika menggunakan kaedah pemasaran yang baik.

Perdana Menteri berkata penciptaan atau penghasilan barangan yang baik sekalipun jika tidak disokong dengan cara pembungkusan dan sistem pemasaran yang baik dan berdaya maju, ia tidak akan dapat dijual.

"Semua barangan pun mengambil masa (untuk dijual), macam mana kita pakej barangan itu dan macam mana kita pasarkan barangan kita, itu amat penting," katanya selepas melawat pusat InventQ Jaya, sebuah pusat inovasi penciptaan, di sini hari ini.

Bermula dengan tahap mencipta sesuatu produk itu kemudian menghasilkan dan seterusnya membungkus sehinggalah memasarkannya, proses kitaran produk memerlukan banyak kajian, kata Dr Mahathir, merujuk kepada projek penciptaan barangan yang dilaksanakan di pusat InventQ itu.

"Ada banyak lagi penyelidikan yang perlu di buat di sini (di pusat InventQ). Penyelidikan mengambil masa yang lama sebelum sesuatu produk itu boleh dipasarkan," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada dengan tertubuhnya pusat inovasi penciptaan itu, yang mempunyai makmal-makmal penciptaan produk baru berteknologi tinggi dan canggih, akan menyumbang kepada penghasilan teknologi sendiri yang lebih murah.

"Mungkin kos (menghasilkan teknologi) lebih murah. Tapi kita tentu faham bahawa teknologi memang kosnya tinggi dan mungkin dari 10 teknologi, satu sahaja yang boleh diguna, ataupun lebih daripada itu," katanya.

Beliau berkata walaupun satu teknologi dapat dihasilkan tetapi ia berjaya digunakan untuk menghasilkan produk-produk yang diterima oleh orang ramai, itu sudah memadai.

Perdana Menteri menghabiskan masa lebih sejam untuk mendengar penerangan daripada pihak pengurusan dan kakitangan pusat InventQ Jaya mengenai projek penciptaan baru yang dihasilkan di makmal-makmal di pusat itu.

Pihak pengurusan pusat itu yang diketuai Pengerusi dan Pegawai Eksekutifnya Dr Sadeg Mustafa Faris turut menyampaikan taklimat kepada Perdana Menteri mengenai pembangunan satu teknologi baru dikenali sebagai "V-Rex".

V-Rex yang merupakan teknologi berasaskan multimedia, ditambah dengan sokongan teknologi animasi tiga-dimensi (3D), dikenal pasti berdaya maju digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

-- BERNAMA

RIZ RIZ RON